

DORONGAN MOTIVASI PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR TIADA ASAS

Hairun Najuwah Jamali

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

Email: hairunnajuwah@uis.edu.my

ABSTRAK

Pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tiada asas bagi bahasa tersebut merupakan satu proses kompleks yang melibatkan beberapa faktor seperti pengetahuan linguistik, kefahaman budaya dan dimensi afektif. Domain afektif adalah komponen utama dalam pembelajaran bahasa yang mempengaruhi motivasi, penglibatan dan kejayaan pelajar. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dorongan motivasi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tiada asas bahasa Arab. Kajian telah dijalankan di Universiti Islam Selangor (UIS) dan seramai 38 orang pelajar telah mengambil bahagian. Data dikumpulkan melalui kaedah soal selidik *google form*. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar tiada asas bahasa Arab telah memilih antara dorongan utama motivasi pembelajaran bahasa Arab ialah persekitaran bahasa Arab yang kondusif, pengaruh rakan sebaya dan dorongan keluarga. Hasil kajian ini memberi implikasi kepada tenaga pengajar bahasa Arab khususnya bagi kumpulan pelajar tiada asas, dalam merancang amalan pedagogi yang bersesuaian seterusnya dapat mencapai objektif pembelajaran secara optimum.

Kata kunci: motivasi, pembelajaran bahasa Arab, tiada asas.

1. Pengenalan

Dorongan motivasi merupakan salah satu faktor penting dalam mempelajari mana-mana subjek pembelajaran, terutamanya mempelajari bahasa asing iaitu bahasa Arab. Di kebanyakan Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI), pembelajaran bahasa Arab telah menjadi satu modul wajib yang perlu diikuti oleh semua pelajar. Bagi setiap pensyarah, sudah pasti ingin memastikan para pelajar yang mempelajari bahasa Arab memahami dan menguasai isi kandungan yang disampaikan. Namun begitu, terdapat kumpulan pelajar yang tidak atau kurang mempunyai asas bahasa Arab di peringkat pengajian mereka sebelum ini yang juga mengikuti kelas pembelajaran bahasa Arab.

Antara faktor kekuatan pelajar tiada asas bahasa Arab mempelajari bahasa ini adalah dorongan motivasi. Ia adalah dorongan dalaman dalam diri seseorang yang mampu membentuk semangat dan berusaha ke arah kejayaan. Melalui dorongan motivasi ini, pelajar dapat mengharungi cabaran memahami isi kandungan pembelajaran yang disampaikan oleh pensyarah. Sehubungan itu, adalah menjadi satu keperluan kepada pensyarah memahami dengan lebih mendalam dorongan motivasi kumpulan pelajar ini. Seterusnya dapat membantu pensyarah menstruktur dan merangka kaedah, strategi dan teknik pengajaran yang sesuai bagi membantu kefahaman yang lebih baik dalam kalangan pelajar.

Tidak dinafikan bahawa pembelajaran bahasa Arab yang bermula dengan sebutan huruf dengan baris tertentu, membentuk tulisan hijaiyyah yang bersambung, membaca teks dan bertutur adalah sukar bagi mereka yang tiada asas bahasa ini. Walau bagaimanapun, cabaran kesukaran tersebut boleh diatasi secara berperingkat dengan adanya kemahuhan diri dari dalam diri individu pelajar yang disebut sebagai motivasi. Malah perbincangan dalam pelbagai kajian berkaitan motivasi dalam menjamin kejayaan para pelajar menguasai bahasa kedua telah banyak dilakukan sejak tahun 1990-an lagi. (Abdul Hakim et al, 2015).

Oleh itu, kajian ini dianggap relevan kerana kajian-kajian berkaitan dorongan motivasi pembelajaran bahasa Arab sebelum ini lebih tertumpu kepada pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab. Kajian

ini bertujuan untuk melihat dorongan motivasi dalam kumpulan pelajar yang berbeza dengan kajian sebelum ini iaitu kumpulan pelajar tiada asas bahasa Arab. Adalah diharapkan kajian ini sebagai permulaan memahami domain afektif bagi kumpulan ini yang mempengaruhi motivasi, penglibatan dan kejayaan pelajar. Di samping itu, dapat membantu peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran di pihak institusi, penggubal kurikulum dan pensyarah.

2. Latar Belakang Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi memahami lebih mendalam dorongan motivasi pelajar tiada asas bahasa Arab ketika mempelajari bahasa tersebut di Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI). IPTI seperti Universiti Islam Selangor (UIS) sehingga kini telah menawarkan program pengajian yang pelbagai kepada semua calon pelajar sama ada yang mempunyai latar belakang bahasa Arab atau sebaliknya. Bagi setiap program pengajian tersebut, kursus bahasa Arab merupakan antara kursus wajib yang perlu diambil oleh setiap pelajar.

Kelas pembelajaran bahasa Arab untuk para pelajar dijalankan secara *tutorial* yang dibahagikan mengikut program pengkhususan masing-masing. Para pelajar dikehendaki mendaftar kursus bahasa Arab sebagai komponen wajib universiti sama ada dalam dua atau tiga semester pengajian mengikut keperluan landskap akademik setiap program pengajian. Syarat kemasukan bagi setiap program adalah berbeza iaitu terdapat program yang meletakkan syarat lulus mata pelajaran bahasa Arab di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ada program yang tidak memerlukan bahasa Arab sebagai syarat kemasukan. Oleh yang demikian, terdapat percampuran pelajar ada asas dan tiada asas bahasa Arab dalam satu-satu kelas tutorial bahasa Arab. Situasi inilah yang menjadi satu cabaran kepada pelajar mahupun pensyarah ketika kelas pembelajaran bahasa Arab dilaksanakan.

Bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), modul pembelajaran disediakan oleh kumpulan pensyarah yang mengajar bahasa Arab di UIS. Isi kandungan modul pembelajaran adalah disusun mengikut semua peringkat pelajar yang menghadiri kelas pembelajaran bahasa Arab dan sentiasa ditambah baik dari masa ke semasa mengikut keperluan. Isi kandungan kursus bahasa Arab ini bermula dengan pembelajaran secara asas bahasa Arab sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, masih terdapat kekangan dipihak pensyarah untuk memastikan pelajar memahami seterusnya menguasai pembelajaran yang disampaikan. Hal ini kerana terdapat kumpulan pelajar tiada asas bahasa Arab yang memerlukan bimbingan pensyarah dengan lebih mendalam.

Akan tetapi berdasarkan pencapaian di dalam kelas, ujian dan peperiksaan yang dilalui pada akhir semester, kumpulan pelajar tiada asas mampu melaksanakan tugas mereka dengan baik. Bahkan mereka mampu memahami dan menguasai pembelajaran bahasa Arab yang dilalui sepanjang semester pengajian. Hal ini dilihat sebagai suatu yang amat positif untuk dikaji. Sudah pasti faktor motivasi adalah faktor penting yang membolehkan pelajar mencapai tahap yang dikehendaki.

Menurut Zimmerman & Pon 1986, pelajar yang bermotivasi tinggi akan bekerja keras, tabah dan berdaya saing dalam usaha mencapai kejayaan mereka. Hasil daripada motivasi ini, pelajar akan berusaha menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran mereka (Chamot et al,1993). Berdasarkan hasil kajian terdahulu, terdapat beberapa elemen penting yang mencorakkan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Terdapat dua kajian dorongan motivasi yang telah dijalankan dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama iaitu Abdul Halim Abdullah et al (2015) yang mendapati sikap positif pelajar terhadap bahasa Arab, dorongan persekitaran, kesedaran diri dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran adalah elemen yang mendorong motivasi pelajar. Manakala dapatan kajian Fadzil et al (2022) menyatakan impian

pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dalam bidang bahasa Arab dan pengaruh rakan merupakan elemen utama motivasi pelajar mempelajari bahasa Arab.

Kajian berkaitan dorongan motivasi dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) pula mendapati kaedah pengajaran kolaboratif mempunyai pengaruh positif dan signifikan terhadap motivasi pelajar yang mempelajari bahasa Arab (Ibrahim, 2021). Motivasi pelajar ketika dalam kelas pembelajaran bahasa Arab juga didorong oleh penguasaan kosa kata, pembinaan ayat dan tatabahasa dalam pengajian sebelumnya (Fadzil et al 2023). Kajian ini turut mendapati pelajar yang mempunyai pengalaman bahasa Arab sebelum menyambung pengajian di IPT lebih bermotivasi untuk berkomunikasi dalam kelas pembelajaran bahasa Arab.

Dapatkan kajian terdahulu berkaitan dorongan motivasi ini nampaknya lebih berkisar dalam kalangan pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab sama ada yang belajar di sekolah agama mahupun pernah belajar bahasa Arab sebelum menyambung pengajian ke IPT. Oleh itu, pengkaji merasakan terdapat keperluan untuk mengkaji elemen-elemen dorongan motivasi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang tiada asas dalam bahasa ini. Perbincangan kajian ini dapat dijadikan satu nilai tambah daptan kajian dorongan motivasi yang telah dibincangkan sebelum ini.

3. Perbincangan Literatur

Slavin (2006), mendefinisikan motivasi sebagai proses dalaman yang mendorong seseorang untuk mencapai sesuatu. Motivasi adalah pengaruh daripada keperluan dan keinginan terhadap pengamatan dan dorongan tingkah laku. Lahey (2003), menyatakan motivasi merujuk kepada suatu keadaan dalaman yang mana memberi arahan ke dalam pemikiran manusia yang mana tingkah laku di dorong kepada tingkah yang bermatlamat. Sternberg (2001), motivasi bererti dorongan atau keperluan yang memimpin kepada sesuatu tindakan. Motivasi juga melibatkan sesuatu proses yang memberikan kuasa dan arahan yang menggerakkan tingkah laku seseorang (Rashid, 2007). Berdasarkan definisi yang dikemukakan, motivasi merupakan satu proses dalaman yang penting bagi setiap individu untuk melaksanakan dan menggerakkan sesuatu tindakan. Motivasi seseorang boleh didorong oleh beberapa faktor yang berbeza berdasarkan situasi individu tersebut.

Dalam membincangkan dorongan motivasi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar, terdapat dua elemen motivasi yang sering dikemukakan dalam perbincangan kajian terdahulu. Elemen tersebut ialah motivasi intrinsik iaitu dalaman dan motivasi ekstrinsik iaitu luaran (Hanis Najwa et al. 2017, Aisyah Sjahrony et al. 2017, Lily Hanefarezan et al., 2018 dan Fadzil et al, 2022). Satu elemen baharu turut dibincangkan dalam aspek motivasi ini iaitu motivasi holistik (Fadzil et al, 2022 dan Lily Hanefarezan et al, 2018). Ketiga-tiga elemen motivasi ini merupakan elemen yang penting dalam mempengaruhi motivasi pelajar ketika pembelajaran bahasa Arab. Elemen motivasi intrinsik dikaitkan dengan faktor dalam diri seperti keperluan, minat, rasa ingin tahu, kepuasan kendiri dan lain-lain. Elemen motivasi ekstrinsik menjurus kepada keinginan untuk bertindak yang disebabkan oleh faktor dari luar diri individu. Segala aktiviti motivasi jenis ini adalah bertujuan untuk mendapatkan ganjaran seperti hadiah, sijil, pujian, mengelak daripada hukuman, mendapat perhatian guru atau rakan sebaya dan apa sahaja sebab yang hanya bertujuan untuk memenuhi kehendak jangka pendek dan kendiri.

Motivasi holistik pula dapat memberikan hubungan dan pengaruh yang kuat terutamanya bagi pelajar yang beragama Islam. Dorongan utama bagi motivasi jenis ini ialah dorongan jiwa dan fikiran ke arah menghubungkan tingkah laku seseorang pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab untuk memperoleh keredhaan yang Maha Esa di dunia dan di akhirat. Dalam pendekatan ini, konsep motivasi holistik dikaitkan secara jelas dengan prinsip usaha dan tawakal kepada Allah s.w.t. Oleh

itu, aspek-aspek yang berkaitan dengan dorongan dan rangsangan daripada ajaran Islam turut memainkan peranan dalam diri pelajar serta memberi kesan kepada penguasaan bahasa Arab. (Fadzil et al, 2022)

Motivasi merupakan salah satu elemen penting dalam menguasai sesuatu pembelajaran terutamanya pembelajaran bahasa kedua (Hanis Najwa et al. 2017). Faktor-faktor dorongan adalah daripada pelbagai arah dalam lingkungan persekitaran pelajar di sesebuah institusi. Sama ada pelajar tersebut di peringkat sekolah mahupun Institut Pengajian Tinggi (IPT), kajian berkaitan dorongan motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab terus dilaksanakan. Kajian mendapati, semakin tinggi motivasi pelajar terhadap bahasa Arab maka semakin baiklah pencapaian mereka dalam pembelajaran bahasa ini (Abdul Hakim et al., 2015). Malah terdapat hubungan yang kuat antara motivasi pelajar dengan penguasaan bahasa Arab. Korelasi positif menunjukkan bahawa lebih tinggi darjah motivasi, maka lebih tinggi juga tahap penguasaan bahasa Arab.(Fadzil et al., 2022)

Di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT), kajian berkaitan motivasi sentiasa dilaksanakan dalam pelbagai aspek yang berbeza. Antaranya ialah kajian tahap motivasi holistik, intrinsik dan ekstrinsik terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan graduan bahasa Arab universiti awam di Malaysia mendapati motivasi graduan untuk mempelajari kosa kata bagi domain motivasi holistik berada pada tahap yang tinggi diikuti domain ekstrinsik dan intrinsik pada tahap sederhana (Lily Hanefarezan et al, 2018). Kajian berkaitan pengaruh pengajaran kolaboratif dan sikap pensyarah terhadap motivasi pelajar di dalam pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus Bahasa Arab Komunikasi tahap pertama di UiTM telah dilaksanakan oleh Abdullah (2021). Kajian beliau menunjukkan bahawa kaedah pengajaran kolaboratif mempunyai pengaruh positif dan signifikan terhadap motivasi pelajar.

Manakala kajian Fadzil et al, (2023) iaitu dorongan berkomunikasi bahasa arab dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), menunjukkan bahawa menunjukkan 85.3 peratus atau 128 orang responden merasakan dorongan untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab yang tinggi. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa nilai min pelajar yang pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki KUIPs mempunyai tahap dorongan yang lebih tinggi iaitu 4.3050 berbanding dengan pelajar yang belum pernah mempelajari bahasa Arab dengan nilai min 3.7479.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan berkaitan dorongan motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab terutamanya di peringkat IPT, dorongan motivasi pelajar yang belum pernah mempelajari bahasa Arab sebelum ke IPT adalah masih rendah. Oleh itu, terdapat ruang yang perlu dikaji secara mendalam terhadap dorongan motivasi kumpulan pelajar tiada asas ini bagi membantu mereka ketika berada di kelas pembelajaran bahasa Arab. Dengan mengambil kira hasil kajian yang lalu, aspek dorongan motivasi instrinsik, ekstrinsik dan holistik merupakan antara fokus utama yang perlu diambil kira oleh pensyarah dalam merangka pedagogi pengajaran yang sesuai. Hal ini kerana domain afektif pelajar ini dapat membantu semangat dan usaha ke arah kejayaan.

4. Objektif Kajian

Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti dorongan motivasi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tiada asas di Universiti Islam Selangor.

5. Persoalan Kajian

Apakah dorongan motivasi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tiada asas di Universiti Islam Selangor?

6. Metodologi Kajian

Kajian ini berasaskan pendekatan kuantitatif secara soal selidik. Responden terdiri daripada pelajar diploma di Universiti Islam Selangor (UIS) yang mendaftar kursus *Al Arabia Li Dirasat Islamiyyah II*. Seramai 38 orang responden yang terlibat sebagai subjek kajian. Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk mengenal pasti dorongan motivasi pelajar tiada asas bahasa Arab terhadap pembelajaran bahasa Arab yang diadaptasi daripada kajian Abdul Hakim et al. (2015). Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan nilai peratusan mudah. Terdapat dua bahagian di dalam borang soal selidik ini iaitu demografi dan dorongan motivasi pembelajaran bahasa Arab. Aplikasi *Google Form* digunakan dalam menghasilkan borang soal selidik dan disebarluaskan kepada responden menggunakan pautan aplikasi *Whatsapp*. Item-item soal selidik ini dijawab dengan menanda unit pada skala Likert 4 poin yang telah ditetapkan iaitu (1) tidak setuju, (2) kurang setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju (Sugiyono, 2018). Item soal selidik ini bertujuan untuk mengenal pasti dorongan motivasi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan responden. Soal selidik ini disebarluaskan kepada pelajar selepas mereka menamatkan pembelajaran bahasa Arab dalam semester kedua peringkat diploma.

7. Dapatan Kajian dan perbincangan

Hasil dapatan kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu maklumat demografi responden, dan analisis faktor motivasi pembelajaran bahasa Arab. Jadual 1 menunjukkan hasil demografi responden seramai 38 orang. Seterusnya diikuti dengan jadual 2 menunjukkan analisis bagi objektif kajian ini.

Jadual 1
Demografi Responden

Demografi Responden	Jumlah responden (N: 38)	
	N	%
IPTA/IPTS		
KUIS	38	100.0
Jantina		
Lelaki	17	44.7
Perempuan	21	55.3
Program Pengajian		
Diploma	38	100.0
Tahun Pengajian		
Tahun 1	38	100.0
Tahap Penguasaan Bahasa Arab		
Sangat baik	3	5.3
Baik	16	52.6
Sederhana	37	36.8
Lemah	9	2.6
Sangat lemah	2	2.6

Berdasarkan jadual 1, responden adalah pelajar tahun 1 semester 2 iaitu seramai 38 orang. Mereka adalah pelajar program Diploma di Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS). 44.7% adalah pelajar lelaki dan 55.3% adalah pelajar perempuan. Dari segi tahap penguasaan bahasa, majoriti mengakui bahawa penguasaan bahasa Arab mereka adalah pada tahap baik iaitu 52.6%. Manakala

36.8% pada tahap yang sederhana, 5.3% pada tahap sangat baik, 2.6% pada tahap lemah dan 2.6% pada tahap sangat lemah. Berdasarkan maklumt ini, majoriti pelajar memilih penguasaan bahasa Arab di tahap yang baik mungkin disebabkan telah mempelajari kursus bahasa Arab tahap pertama pada semester 1. Justeru, tahap penguasaan mereka adalah lebih baik berbanding pada peringkat permulaan semester 1 sebelum ini.

Jadual 2
Dorongan Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab

Penyataan/Item	TS Tidak Setuju	KS Kurang Setuju	S Setuju	SS Sangat Setuju
B1. Persekitaran bahasa Arab yang kondusif.	0 (0%)	4 (10.5%)	24 (63.1%)	10 (26.4%)
B2. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.	0 (0%)	0 (0%)	21 (55.3%)	17 (44.7%)
B3. Kesedaran diri.	0 (0%)	3 (7.9%)	22 (57.9%)	13 (34.2%)
B4. Pengaruh rakan sebaya.	2 (5.3%)	4 (10.5%)	24 (63.1%)	8 (21.1%)
B5. Dorongan keluarga.	0 (0%)	2 (5.3%)	23 (60.5%)	13 (34.2%)
B6. Usaha yang saya sendiri lakukan.	0 (0%)	3 (7.9%)	21 (55.3%)	14 (36.8%)
B7. Bahasa Arab adalah penting.	0 (0%)	2 (5.3%)	14 (36.8%)	22 (57.9%)
B8. Bahasa Arab mudah dipelajari dan difahami.	1 (2.6%)	6 (15.8%)	20 (52.6%)	11 (29%)

Jadual 2 menunjukkan hasil dapatan objektif kajian iaitu dorongan motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tiada asas. Terdapat lapan (8) item dorongan motivasi diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklumat kajian. Berdasarkan dapatan, tiga (3) item utama yang mendapat peratus setuju tertinggi sebagai dorongan motivasi. 24 orang responden (63.1%) bersetuju bahawa item (B1) *persekitaran bahasa Arab yang kondusif* dan item (B4) *pengaruh rakan sebaya* sebagai dorongan utama, manakala 23 responden (60.5%) memilih item (B5) *dorongan keluarga*. Walau bagaimanapun, dapatan item (B4) *pengaruh rakan sebaya* menunjukkan terdapat 2 responden (5.3%) yang tidak setuju dan 4 responden (10.5%) kurang setuju sebagai dorongan motivasi mempelajari bahasa Arab.

Manakala item (B2) *keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas* menunjukkan dapatan yang positif daripada responden. 21 responden (55.3%) bersetuju dan 17 responden (44.7%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini sebagai dorongan motivasi mempelajari bahasa Arab, tanpa ada yang tidak setuju dan kurang setuju. Dapatan ini boleh membantu pensyarah meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Pensyarah boleh berdaya usaha mempelbagaikan lagi gaya pengajaran bagi mencapai pengajaran yang berkesan dilaksanakan. Menurut Rohani et al. (2010) pengajaran guru yang lebih mesra pelajar seperti hubungan baik antara guru dan pelajar, dikenal pasti memberi impak positif ke atas motivasi dan minat pelajar terhadap mata pelajaran tertentu. Hasil kajian ini dikuatkan dengan dapatan kajian Mohammad (2018) yang menunjukkan semakin baik pengajaran guru maka semakin meningkat kepercayaan motivasi pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab.

Item (B3) *kesedaran diri* sebagai dorongan motivasi juga mendapat skor setuju yang tinggi iaitu 22 responden (57.9%). Dapatan ini boleh menggambarkan bahawa ia adalah antara dorongan penting motivasi bagi pelajar tiada asas bahasa Arab ketika mempelajari bahasa tersebut. Item ini dilihat sebagai salah satu elemen motivasi instrinsik yang datang dari dalam diri pelajar itu sendiri. Melalui kesedaran diri, pelajar akan berusaha untuk mencapai matlamat pembelajaran yang dilalui. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, kajian Ghazali et al (2010) dalam Mohamad et al (2020) menyatakan bahawa kepercayaan jangkaan keupayaan kendiri menentukan pemilihan pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dan setakat mana usaha mereka untuk menguasai kemahiran bahasa tersebut. Dapatan kajian ini juga selaras dengan dapatan kajian Abdul Hakim et al (2015) yang turut merekodkan skor bagi item kesedaran diri sebagai dorongan motivasi adalah antara yang tinggi.

Bagi skala sangat setuju, dapatan item dorongan motivasi ini menunjukkan perbezaan iaitu item (B7) *bahasa Arab adalah penting* sangat dipersetujui oleh 22 responden (57.9%). Item (B2) *keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas* (44.7%) mewakili 17 responden menyusul sebagai item kedua yang sangat dipersetujui sebagai dorongan motivasi pelajar tiada asas dalam penbelajaran bahasa Arab. Manakala item (B6) *usaha yang saya sendiri lakukan* mendapat skor sangat setuju (36.8%) yang diwakili oleh 14 responden. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar mengakui bahawa kursus bahasa Arab adalah penting yang fungsinya seiring dengan bahasa yang digunakan dalam ibadah harian sebagai muslim di samping sebagai kursus wajib dalam pengajian. Selain itu, keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas bahasa Arab turut menyumbang sebagai dorongan motivasi pelajar, di samping itu daya usaha pelajar sendiri juga adalah penting dalam mempengaruhi motivasi mereka.

Item (B8) *bahasa Arab mudah dipelajari dan difahami* mendapat skor setuju yang tertinggi berbanding skor tidak setuju, kurang setuju dan sangat setuju dan diwakili oleh 20 responden (52.6%). Bagi dapatan item ini, 11 responden (29%) menunjukkan skor sangat setuju. Dapatan ini boleh dianggap suatu yang positif bagi kumpulan pelajar tiada asas yang menyatakan bahasa Arab mudah dipelajari dan difahami. Hal ini mungkin kerana mereka telah ada pengalaman pembelajaran dan pengetahuan bahasa Arab melalui semester sebelumnya iaitu ketika pengajian semester 1. Namun begitu, tidak dinafikan masih terdapat responden yang tidak setuju (2.6%) dan kurang setuju (15.8%) bahawa bahasa Arab mudah dipelajari dan difahami walaupun mereka telah berada di semester kedua. Data ini memberikan isyarat kepada pensyarah yang menunjukkan perlunya perhatian yang lebih serius terhadap semua pelajar tiada asas di dalam kelas pembelajaran bahasa Arab. Hal ini kerana masih terdapat sebilangan kecil pelajar yang masih belum mampu memahami isi kandungan pembelajaran bahasa Arab yang dipelajari.

Dapatan kajian ini merupakan satu usaha untuk mengetengahkan item-item dorongan motivasi kumpulan pelajar yang tiada asas dalam pembelajaran bahasa Arab. Item-item yang dipilih adalah dirasakan sesuai oleh pengkaji bagi mendapatkan maklum balas daripada kumpulan ini. Hasil kajian ini secara keseluruhannya dapat mengenal pasti turutan keutamaan dorongan motivasi pelajar tiada asas bahasa Arab. Dapatan ini juga boleh dijadikan satu perbandingan kepada dapatan kajian yang mengkaji dorongan motivasi dalam kalangan pelajar yang ada asas bahasa Arab khususnya di IPT.

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji ingin mengemukakan cadangan yang sesuai bagi para pensyarah membantu pelajar tiada asas dalam pembelajaran bahasa Arab. Cadangan tersebut ialah :

- 1- Mencipta persekitaran pembelajaran bahasa Arab yang kondusif sekurang-kurangnya ketika berada di dalam kelas pembelajaran bersama pelajar.

- 2- Sentiasa berusaha menyampaikan isi kandungan pengajaran bahasa Arab dengan lebih berkesan di dalam kelas seperti melalui gaya pengajaran yang mesra pelajar.
- 3- Menyantuni tahap kebolehan bahasa Arab pelajar tiada asas ketika di dalam kelas pembelajaran dengan bertindak sebagai pemudah cara.
- 4- Bertindak sebagai penggalak motivasi pelajar mempelajari bahasa Arab secara berselang seli dengan penyampaian isi kandungan pembelajaran yang disampaikan.
- 5- Melibatkan pelajar tiada asas dalam program-program yang berkaitan dengan bahasa Arab di luar kelas pengajaran.

8. Kesimpulan

Motivasi adalah aspek dalaman yang penting dan perlu diberi penekanan kepada pelajar khususnya pelajar tiada asas dalam kelas pembelajaran bahasa Arab. Kewujudan kumpulan pelajar ini merupakan satu cabaran bukan sahaja kepada pensyarah malah institusi bagi memastikan mereka mencapai tahap maksimum dalam memahami isi kandungan mata pelajaran bahasa Arab seiring dengan pelajar yang ada asas sebelum ke IPT. Dapatan kajian menunjukkan kumpulan pelajar tiada asas mempunyai dorongan motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab. Malah mereka mengetahui antara dorongan motivasi yang dominan serta dapat membantu mereka melalui proses pembelajaran bahasa Arab. Namun begitu, masih terdapat sebilangan kecil daripada kumpulan ini yang masih amat memerlukan perhatian yang lebih daripada pihak pensyarah khususnya dari aspek motivasi pembelajaran. Adalah diharapkan kajian terhadap pelajar tiada asas dalam pembelajaran bahasa Arab dapat dikembangkan kepada aspek-aspek yang lain seperti kemampuan kemahiran berbahasa Arab dan lain-lain lagi.

9. Rujukan

- Abdul Hakim A., Ab. A. Sulaiman, & W. I. W. Abdullah. (2015). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 10(July 2015), 104–118.
- Aisyah. S., Maimun A. L., Harun. B. & M. S. Kamis. (2017). Kepentingan pembelajaran motivasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA dari perspektif sorotan kajian. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(2): 102-112.
- Chamot, A.U et al. (1993). Methods For Teaching Learning Strategies In The Foreign Language Classroom And Assessment Of Language Skills For Instruction. Georgetown University.
- Fadzil, N. A., Jaafar, N., & Rofiee, M. M. (2022). Hubungan sikap pelajar terhadap penguasaan bahasa Arab. *Jurnal'Ulwan*, 7(2), 154-172.
- Fadzil, N. A., Jaafar, N., & Md Roffie, M. (2022). Hubungan Motivasi Pelajar Terhadap Penguasaan Bahasa Arab. *Jurnal Kesidang*, 7, 194–210.
- Fadzil, N. A., Nor Be.I.N, Md Roffie, M. & Zailani.S. (2023). Dorongan Berkomunikasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Perlis. *Jurnal 'Ulwan Jilid 8 (Bil.3) 2023*: 362-372.
- Hanis Najwa. S, K. F. Ku Azizan, W.Ismail, F.R. Rosnan & N.Gordani. (2017). Tahap motivasi instrinsik dan ekstrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tafhib di Selangor. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*.
- Ibrahim, A. (2021). Pengaruh Pengajaran Kolaboratif dan Sikap Pensyarah Terhadap Motivasi Pelajar di dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 428–443.

<http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd428>

- Lily H. A., M. A. Lubis, A. Aladdin, & M. Sahrim. (2018). Tahap motivasi holistik, intrinsik dan ekstrinsik terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan graduan universiti awam. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 33, 75–93.
- Mohammad H. A., Mohd Khairuddin A. & Khalid J. (2018). Pengajaran Guru dan Kepercayaan Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities(MJSSH)*, Volume 3, Issue 3,136 -147.
- Mohamad R. I., A. R. Ghazali, K. A. A. Latif, F. Maromar, S. Man. (2020). Hubungan Antara Faktor Dalaman Dan Faktor Luaran Dalam Mempengaruhi Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *e-Jurnal Bahasa Dan Linguistik*. Mei 2020(2)(1) 1-11.
- Rashid, R. (2007). Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Di Sebuah Sekolah Menengah Luar Bandar, Sabah. *Tesis Ijazah Sarjana*. Universiti Malaya.
- Rohani, A., Hazri, J., & Nordin, A. R. (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35(2), 61–69.
- Sugiyono. (2018). Metode penelitian kuantitatif, kualitatif dan kombinasi (mixed methods). Bandung: Alfabeta.